

23 AUG 1997

#### PETRONAS BELI KEPENTINGAN 29 PERATUS DALAM MISC

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Petroliam Nasional Bhd (Petronas) telah membeli kepentingan ekuiti sebanyak 29.3 peratus dalam Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dan berjanji untuk bekerjasama dengan Konsortium Perkapalan yang telah mengadakan rundingan untuk mengambil alih kepentingan yang dipegang oleh Kumpulan Wang Amanah Pencen.

Ketika mengumumkan perkembangan itu hari ini, Petronas, bagaimanapun tidak menyebut harga yang dibayar untuk 293.524 juta saham yang dibelinya dalam syarikat perkapalan terbesar negara ini.

Saham MISC di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) naik 60 sen pada Jumaat kepada RM6.90, walaupun pasaran mengalami arah menurun. Dengan mengambil harga penutup terakhir, iaitu RM6.90 seunit, nilai blok saham yang dibeli oleh Petronas ialah RM2.025 bilion.

Konsortium Perkapalan Bhd, yang telah berunding untuk membeli saham dalam MISC, turun 30 sen kepada RM10.30 manakala syarikat dalam kumpulannya, Diperdana Bhd kekal pada RM17.50. Konsortium Perkapalan dan Diperdana (melalui PNSL Holdings Bhd) membentuk kumpulan syarikat Konsortium, yang diketuai oleh Mirzan Mahathir, iaitu syarikat perkapalan kedua terbesar selepas MISC.

Dalam kenyataan itu, Petronas turut mengakui bahawa kumpulan Konsortium telah mengumumkan terdahulu hasratnya untuk "bekerja dengan MISC bagi merasionalkan perniagaan logistik darat dan laut di Malaysia untuk kebaikan industri itu sendiri."

Kenyataan itu menyebut bahawa Petronas akan mencadangkan kepada MISC supaya bekerjasama dengan Konsortium demi faedah bersama dan untuk masa depan yang lebih baik bagi logistik laut dan darat negara.

Ia menyatakan bahawa Petronas juga berhasrat untuk bekerja rapat dengan lembaga dan pengurusan MISC untuk meletakkan MISC dalam kedudukan yang dapat memenuhi seruan kerajaan dan cabaran masa muka dalam industri perkapalan.

Kerajaan mahukan pengeksport dan pengimport Malaysia menggunakan perkhidmatan syarikat perkapalan dan pelabuhan Malaysia untuk penghantaran barangan siap dan bahan mentah bagi mengurangkan pergantungan negara kepada perkhidmatan asing.

Petronas menyatakan pemilikan sejumlah saham yang besar dalam MISC dijangka akan memberikan faedah bersama kepada kedua-dua pihak.

Sementara itu, pemilikan kepentingan MISC oleh Petronas menimbulkan tanda tanya sama ada kumpulan Konsortium masih berminat untuk mendapatkan kepentingan dalam MISC.

Minggu lepas, naib pengerusi eksekutif Konsortium Perkapalan Loo Hooi Keat berkata bahawa rundingan antara syarikatnya dengan pemegang saham utama MISC untuk cadangan pemilikan 29.35 peratus kepentingan akan dibereskan bulan depan.

-- BERNAMA

JR SIA